



BUAL...Abdullah dan Jeanne berbual dengan Dr Muszaphar melalui sidang video malam tadi.

Niat bukukan pengalaman

H. Metro m/s 18 17.10.07

>>Oleh Helmy Abd Rahman
helmy@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha berharap negara ini bakal mempunyai roket sendiri bagi memudahkan misi dan penerokaan ke angkasa.

Selain itu, beliau berhasrat untuk melihat lebih ramai rakyat negara ini terutama generasi muda menceburi bidang kejuruteraan angkasa dan meneruskan misi menakluki angkasa lepas.

Harapannya itu disuarakan ketika beliau berbual secara langsung dengan Perdana

Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah melalui sidang video di Pusat Penyiaran Astro di sini, malam tadi.

“Harapan saya semoga satu hari nanti Malaysia mampu mencipta atau memiliki roket sendiri supaya usaha untuk menerokai angkasa lepas dapat diteruskan demi kemajuan sains dan teknologi negara.

“Saya juga ingin melihat anak bangsa menceburi bidang kejuruteraan angkasa dan menjadikan misi pertama ini sebagai titik tolak untuk mencipta kemajuan lebih gemilang,” katanya.

Dalam sidang video selama

15 minit itu, Abdullah sempat bertanya beberapa soalan dan dijawab Dr Muszaphar dengan yakin.

Wira negara itu juga menunjukkan perasaan patriotisme yang tinggi dengan memasang Jalur Gemilang yang dijadikan latar belakang ketika siaran berkenaan berlangsung selain menyatakan rasa bangga kerana menjadi orang Melayu dan orang Islam pertama menjejak angkasa.

Menjawab soalan Perdana Menteri sama ada beliau mengalami masalah ketika mengerjakan solat, Dr Muszaphar berkata, beliau tidak kekok atau sukar melaksanakan amal ibadat itu berdasarkan

panduan yang dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

“Melalui panduan yang dikeluarkan itu, tidak sukar untuk saya mengerjakan solat atau ibadat lain,” katanya.

Beliau juga berhasrat menulis buku mengenai pengalamannya sepanjang berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) apabila pulang ke bumi.

“Saya mencatat setiap detik ketika berada di sini dan berharap dapat menulis buku mengenai pengalaman berharga di ISS,” katanya.



berita, gambar dan video
angkasa.amedia.com.my

JARING

EMAS